Bil.6/2010 Julai—Disember 2010

MAJLIS PERBANDARAN SIBU

MPS NEWSLETTER

KALENDAR PERISTIWA

Julai

- Pesta Kebudayaan Borneo 2010 (Borneo Cultural Festival 2010)
- Kempen 'Jom Ganyang Aedes' Peringkat Negeri

Ogos

- Sumbangan Bantuan Bencana Kakitangan MPS
- Majlis Perasmian Muzium Budaya Warisan Sibu (Sibu Cultural Heritage Museum)

September

- Intranet Di MPS
- Dialog Dengan Sarawak Advertisment Association
- Pesta Tanglung Sibu 2010 (Sibu Lantern Fest 2010)

Oktober

- Semakan Semula Perancangan Strategik

November

- Seminar Kebersihan Tandas Sempena Hari Tandas Sedunia
- Anugerah Pingat Perkhidmatan Setia

Pesta Kebudayaan Borneo 2010 *(Borneo Cultural Festival 2010)*

Pesta Kebudayaan Borneo yang ke-9 diadakan selama 10 hari di Dataran Sibu. Pesta ini menepati sasaran berdasarkan kepada penerimaan yang menggalakkan oleh komuniti tempatan dan juga zon tengah Sarawak. Seperti tahun-tahun yang terdahulu, tujuh (7) hari yang pertama dikhaskan kepada tiga (3) komuniti, iaitu, Komuniti Tiong Hua, Komuniti Dayak dan Komuniti Melayu/Melanau. Komuniti ini mengadakan aktiviti-aktiviti dan persembahan masing-masing. Untuk tiga (3) malam terakhir, persembahan kemuncak diadakan di pentas utama. Acara penutup dirasmikan oleh YB Dato' Sri Wong Soon Koh, Menteri Kewangan II & Menteri Alam Sekitaran Kesihatan Awam Sarawak dan diakhiri dengan pertunjukkan bunga api.

Kempen "Jom Ganyang Aedes" Peringkat Negeri

Kempen "Jom Ganyang Aedes" peringkat negeri telah diadakan di Sibu pada 15 Julai 2010. Kempen ini anjuran bersama dengan Pejabat Kesihatan Bahagian Sibu. Ia dimulakan dengan gotong-royong membersih kawasan di Jalan Tiong Hua, Foochow Lane dan Hardin Walk. Kawasan-kawasan ini dipilih memandangkan kebanyakkan kes deman denggi berlaku di situ. Semua agensi kerajaan di Sibu dan badan bukan kerajaan (NGO) terlibat dalam gotong-royong tersebut. Anggaran 1105 peserta menyertainya. Perasmian kempen "Jom Ganyang Aedes" diadakan pada pukul 10.00 pagi bertempat di Pintu Gerbang Sibu. Kempen ini dirasmikan oleh YB Dato' Sri Wong Soon Koh, Menteri Kewangan II dan Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Awam Sarawak.

Hari Integriti MPS

Hari Integriti MPS telah diadakan pada 1 Disember 2010 (Rabu) bertempat di Dewan Perpustakaan MPS, Jalan Keranji. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Tiong Thai King selaku Pengerusi Majlis Perbandaran Sibu. Seramai 150 orang kakitangan majlis terdiri daripada peringkat pengurusan hinggalah ke peringkat sokongan hadir memeriahkan hari Integriti MPS. Ia diadakan bagi meningkatkan kesedaran serta pemahaman kakitangan terhadap betapa pentingnya kualiti perkhidmatan serta integriti bagi memberi imej yang positif serta beretika demi memaparkan imej MPS yang lebih baik. Terdapat dua (2) sesi taklimat yang disampaikan oleh wakil PolisDiraja Malaysia (PDRM) iaitu Inspektor Heng Kok How yang menyampaikan taklimat bertajuk 'JUDI HARAM' manakala wakil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) iaitu Penolong Penguasa Encik Badli Shah bin Shamin yang menyampaikan taklimat bertajuk 'RASUAH'.

KALENDAR PERISTIWA

Disember

- Majlis Penyampaian Bantuan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar
- Hari Integriti MPS
- Lawatan Oleh Walikota, Ahli Majlis & Pegawai Dari Majlis Daerah Samarahan
- Taklimat Talikhidmat
- Taklimat Kepada Kontraktor Menyapu Kawasan (Cleaning & Street Sweeping Contractors)
- Pertandingan Menghias Pokok Krismas
- Sesi Perjumpaan Khas Dengan Setiausaha Tetap Kementerian Alam Sekitar & Kesihatan Awam Sarawak
- Taklimat Kepada Kontraktor Memotong Rumput
- Nama Kakitangan Yang Layak Dipertimbangkan Untuk Anjakan Gaji Oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Tahun Penilaian 2009
- Nama Anggota Yang Layak Diberi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) PPSM Tahun Penilaian 2009
- Kakitangan MPS Yang Bersara Dalam Tahun 2010
- Majlis Makan Malam MPS 2010
- Countdown 2011

Sumbangan Bantuan Bencana Kakitangan MPS

Setiausaha Perbandaran, Encik Hii Chang Kee menghulurkan bantuan berbentuk wang ringgit, sumbangan ikhlas daripada kakitangan MPS berjumlah RM2456.00 kepada Encik Yusuf bin Sahari yang telah ditimpa bencana, iaitu kebakaran rumah kediaman beliau di Kampung Bahagia Jaya Teku pada 10 Ogos 2010. Sumbangan ikhlas ini adalah untuk meringankan bebanan yang ditanggung oleh beliau.

Majlis Perasmian Muzium Budaya Warisan Sibu *(Sibu Cultural Heritage Muzium)*

Majlis Perasmian Muzium Budaya Warisan Sibu diadakan pada 1 Ogos 2010 oleh YB Dato' Sri Wong Soon Koh, Menteri Kewangan II & Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Awam Sarawak. Dengan perasmian ini, muzium di Dewan Suarah Sibu telah dipindahkan ke muzium ini.

Intranet di MPS

Pada 2 September 2010, MPS telah melancarkan intranetnya, iaitu SMCNET. Majlis ini disempumakan oleh YB Datuk Tiong Thai King, Pengerusi MPS. MPS adalah PBT kedua yang mempunyai intranet di Sarawak dan agensi yang kedua di Sibu. Kakitangan MPS adalah digalakkan untuk menggunakan prasarana ini dengan sepenuhnya dan pada masa yang sama dapat berkongsi maklumat untuk memberi sistem penyampaian yang cekap dan efisien. Intranet ini merupakan alat untuk komunikasi dalaman dan juga perkongsian maklumat seperti pencarian fail dan dokumen dari *work station*. Ini bukan hanya menjimat masa tapi juga menjimatkan kertas.

PRIDE OF SIBU: The Sibu Municipal Council (SMC) is proud to be among the first local government agencies in the state of Kuching to have its own intranet — SMCNET. Here SMC chairman Tiong Thai King (second right) and secretary Wi Chang Kee (second left) are seen operating the intranet system. Looking on is the council's deputy chairman Dennis Ngieng (right). ► Full story on page 9

Pesta Tanglung Sibu 2010 (*Sibu Lantern Fest 2010*)

Sibu Lantern Fest 2010 merupakan kali kedua diadakan di Sibu. Pada tahun ini, ia diadakan di Dataran Sibu mulai 4 September hingga 26 September. Ini merupakan satu acara yang unik bagi Sibu. Acara ini dianjurkan oleh Sibu Chinese Chamber of Commerce & Industry bersama dengan Majlis Perbandaran Sibu. Pihak majlis membantu dengan menyediakan kemudahan dan juga peralatan. Sebanyak 13,000 buah tanglung digantung di jalanan dan juga di Dataran Sibu sepanjang pesta tersebut. Tanglung utama yang tingginya 40 kaki yang bertemakan 1Malaysia dibina ditengah Dataran Sibu.

Semakan Semula Perancangan Strategik

Satu semakan semula Perancangan Strategik MPS telah diadakan pada 18 Oktober 2010 di Dewan Igan, MPS. Semua ahli jawatankuasa pengurusan telah hadir pada hari tersebut. Setelah diteliti, Visi MPS telah diubah seperti berikut:- "Menjadi Agensi Utama Untuk Memimpin Sibu Ke Arah Sebuah Bandaraya Yang Lebih Dinamik, Berdaya-Saing, Proaktif dan Hijau Menjelang 2015".**Dinamik** :- sentiasa melangkah maju ke hadapan, merangsankan perubahan demi penambahbaikan berterusan. **Berdaya-saing** :-bersemangat tinggi untuk mencapai prestasi cemerlang serta menjadi penanda aras kepada PBT lain. **Proaktif** :- komited, responsif serta peka terhadap sistem penyampaian perkhidmatan yang telus, teratur dan berkesan. **Hijau** :- Komited, responsif serta peka terhadap pelaksanaan, penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar yang lebih teratur dan kondusif.

Seminar Kebersihan Tandas Sempena Hari Tandas Sedunia

MPS telah menganjurkan seminar kebersihan tandas bersempena Hari Tandas Sedunia pada 19 November 2010 di RH Hotel Sibu. Pengerusi MPS, YB Datuk Tiong Thai King telah dijemput untuk merasmikan seminar tersebut. Di samping seminar, majlis pelancaran poster anti-vandalisma juga diadakan pada masa yang sama. Seramai 70 peserta yang terdiri daripada pengusaha kedai makanan, restoran, pegawai PBT, agensi kerajaan dan kontraktor hadir ke seminar tersebut. Semasa seminar tersebut, satu mini pameran mengenai produk sanitari diadakan oleh Agen Kimberly Clarks

SMC promotes toilet etiquette

Taklimat Kepada Kontraktor Menyapu Kawasan *(Cleaning And Street Sweeping Contractors)*

Pihak majlis telah mengadakan satu (1) sesi taklimat kepada kontraktor baru pada 17 Disember 2010 bertempat di Dewan Igan, MPS. Sesi taklimat ini disampaikan oleh Setiausaha Majlis, Encik Hii Chang Kee. Semua kontraktor dan penyelia turut hadir ke sesi taklimat tersebut. Pengerusi Majlis, YB Datuk Tiong Thai King juga turut hadir. Terdapat tiga (3) kontraktor yang mengendalikan lima (5) zon di kawasan MPS. Kontraktor-kontraktor yang berjaya dalam proses tender terbuka adalah Bumi-putera Maju Jaya (Zon 1 & 2), Million Company (Zon 3 & 4) dan Tramas Enterprise (Zon 5). Dengan adanya taklimat tersebut, diharap pihak kontraktor dapat menjalankan tugas dengan sempurna dan teratur serta mematuhi kehendak MPS.

Lawatan Oleh Walikota, Ahli Majlis Dan Pegawai dari MD Samarahan

Walikota Majlis Daerah Samarahan, YB Frederick Bayoi Manggie mengetuai rombongan ahli majlis dan pegawai seramai 28 orang membuat lawatan sambil belajar ke MPS pada 9 Disember 2010. Ketibaan mereka disambut oleh Pengerusi MPS, YB Datuk Tiong Thai King di pejabatnya. Ahli rombongan diberi taklimat mengenai pengkomposan kaedah Takakura, taman tajaan dan pusat khidmat pelanggan. Ahli-ahli rombongan juga dibawa melihat sekitar pusat khidmat pelanggan dan selepas itu ke pusat membuat kompos di Jalan Seng Ling serta ke taman-taman tajaan di sekitar bandar Sibu. Rombongan disajikan dengan makan tengah hari setelah selesainya sesi lawatan.

SDC steps up effort to attain municipality status

Pertandingan Menghias Pokok Krismas

Pertandingan menghias pokok krismas tahun ini merupakan kali ke-4 yang dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Sibu (MPS). Keistimewaannya pada tahun ini adalah para peserta terdiri daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Lions Club, Pusat Bahasa Inggeris Sinaran dan Jaycees bermula dari 6 Disember 2010 dan majlis perasmian pertandingan menghias pokok krismas disempurnakan oleh Pengerusi Majlis Perbandaran Sibu, YB Datuk Tiong Thai King pada 12 Disember 2010. Pada hari yang sama, para panel telah membuat penilaian dan permarkahan ke atas 12 pokok Krismas yang telah siap dan keputusan diumumkan pada malam *countdown*. Pada tahun ini, johan bagi pertandingan menghiasi pokok Krismas dimenangi oleh Pusat Bahasa Inggeris Sinaran, diikuti oleh Junior Chamber Sibu and tempat ketiga disandang oleh Lions Club Of Sibu Pahlawan. Hadiah-hadiah untuk pemenang adalah dalam bentuk wang tunai.

Sesi Perjumpaan Khas Dengan Setiausaha Tetap, Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam Sarawak

Satu sesi perjumpaan khas bersama Setiausaha Tetap, Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam iaitu Dr. Penguang Manggil yang diadakan pada 14 Disember 2010 bertempat di Dewan Perpustakaan Awam dimana ianya dihadiri oleh ketua seksyen/unit, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan sokongan gred N17 ke atas. Ini merupakan salah satu program perjumpaan dengan kakitangan pihak berkuasa tempatan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam yang menekankan prinsip keterbukaan. Kakitangan majlis diberi peluang untuk bertanya serta memberi cadangan berkaitan pengurusan serta perkara-perkara berkaitan yang relevan. Ini merupakan salah satu langkah yang baik bagi memperbaiki hubungan di antara pihak pekerja dengan pengurusan selain ianya disalurkan melalui Majlis Bersama Jabatan (MBJ).

Taklimat Kepada Kontraktor Memotong Rumput

Satu taklimat kepada kontraktor-kontraktor yang berjaya mendapat kontrak kerja memotong rumput yang telah dibuat secara tender terbuka telah diadakan pada 28 Disember 2010. Kontrak ini adalah bagi tempoh 1 Januari 2011 hingga 31 Disember 2011. Taklimat ini telah diberi oleh Setiausaha Perbandaran, MPS. Turut hadir di majlis taklimat tersebut ialah Pengerusi MPS, YB Datuk Tiong Thai King dan Cr. Patrick Tong Hing Lee. Kawasan MPS telah dibahagi kepada 12 zon dan setiap zon mempunyai kontraktornya sendiri. Dalam taklimat itu, perkara-perkara yang patut dilakukan dan yang tidak sepatutnya telah diterangkan kepada kontraktor-kontraktor yang berjaya.

Countdown 2011

'Countdown 2011' berlangsung di Dataran Bandar Sibu Fasa 1 pada 31 Disember 2011 dimana ianya diserikan dengan pelbagai aktiviti hiburan seperti nyanyian serta tarian. Aktiviti hiburan bermula lewat disebabkan keadaan cuaca yang tidak mengizinkan. Selain itu juga, YB Datuk Tiong Thai menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang bagi pertandingan hiasan pokok krismas terbaik. Majlis secara rasminya bermula pada jam 10.45malam dimana ucapan pembukaan oleh YB Datuk Tiong Thai King disusuli dengan ucapan daripada tetamu kehormat iaitu YB Dato' Sri Wong Soon Koh. Tepat jam 00.00 upacara **'Countdown 2011'** telah berlangsung dengan jayanya dimana pertunjukkan bunga api menghiasi ruang langit selama 15 minit.

Nama Kakitangan Yang Layak Dipertimbangkan Untuk Anjakan Gaji Oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Tahun Penilaian 2009

Berikut adalah senarai nama kakitangan MPS yang telah layak dipertimbangkan untuk anjakan gaji oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) bagi Tahun Penilaian 2009. Mereka layak kerana telah lulus dalam ujian dan juga telah mencapai tahap prestasi yang memuaskan.

Bil.	Nama Pegawai	Jawatan dan Gred
1	Abang Ibrahim bin Abang Mansor	Pemandu Kenderaan Bermotor R3
2	Abang Muhamad bin Abang Hashim	Pekerja Awam, R1
3	Abdul Rahman bin Zain	Pembantu Am Rendah, N4
4	Abdullah Chek bin Omar Ali	Pekerja Awam, R1
5	Ahmad bin Sirat	Penolong Jurutera, J36
6	Alinor bin Drahman	Pemadu Kenderaan Bermotor, R3
7	Awg Safiee bin Awg Ismail	Pekerja Awam, R1
8	Awg Seman bin Awg Mostapa	Jaga, R1
9	Catherine anak Panyau	Pembantu Tadbir Rendah, N11
10	Chee Chin Shing	Penyelamat, N1
11	Chua Hock Siong	Pen. Pegawai Kesihatan Persekitaran,U32
12	Elam anak Tiboh	Pembantu Am Rendah, N1
13	Freda binti Joachim Juing	Pembantu Tadbir (P/0), N17
14	Hamdan bin Ali	Pemandu Kenderaan Bermoto,r R3
15	Hii Lik Hung	Pembantu Tadbir (P/0), N22
16	Ibrahim @Ishak bin Mahdan	Penolong Pegawai Tadbir, N27
17	Ideris bin Semawi	Pekerja Awam, R1
18	Jemali bin Napis	Pemandu Kenderaan Bermotor, R3
19	Juan anak Ayong	Pekerja Awam Khas, R3
20	Lang anak Jana	Pemandu Kenderaan Bermotor, R3
21	Lau Suok Mee	Pembantu Am, N1
22	Lauren anak John	Pembantu Penguatkuasa, N17
23	Lenggie @ Langit anak Lat	Pekerja Awam, R1
24	Mahdi Bin Suihi @ SluhiI	Pekerja Awam, R1
25	Minggu anak Gawan	Pekerja Awam, R1
26	Sim Poi Luan	Pembantu Tadbir (P/0), N22
27	Mohamad Musa @ Musa binMohammad	Pekerja Awam Khas, R3
28	Mohamad Yasin bin Jamain	Pemandu kenderaan Bermotor, R3
29	Ngadi anak Gaong	Pemandu Kenderaan Bermotor, R3
30	Razali bin Seli	Tukang K3 - Tukang Cat, R9
31	Richard Nixon Billi anak Edmund Kadum	Pemandu Kenderaan Bermotor, R3
32	Rosiah binti Wasli	Pembantu Am Rendah, N1
33	Sadong Kut	Pekerja Awam, R1
34	Sauper @ Saupie bin Jais	Pekerja Awam Khas, R3
35	Shamsuddin bin Narawi	Pemandu Kenderaan Bermotor, R3
36	Syamsulali bin Yusuf	Pekerja Awam, R1
37	Syedar Allam bin Gulam Mohamed	Pemandu Kenderaan Bermotor, R3
38	Tegong anak Sawang	Pemandu kenderaan Bermotor, R3
39	Tigang anak Pengiran	Jaga, R1
40	Ting Tin Teck	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U32

Senarai Kakitangan MPS Yang Bersara Dalam Tahun 2010

Setelah menabur jasa, budi dan bakti demi kepentingan awam di Perkhidmatan Awam Negeri amnya dan Majlis Perbandaran Sibu khasnya, tibalah masanya untuk meninggalkan perkhidmatan bagi kakitangan MPS berikut:- Sekalung ucapan terima kasih kerana jasa dan budi mereka serta tunjukajar yang tidak ternilai.

1	Bibi Chong Bee Lieng	PT (P/O) N17	6.10.2010
2	Ayob bin Napi	Pembantu Penguatkuasa N17	15.11.2010
3	Sandom anak Labeng	PKB, R3	30.12.2010
4	Sim Poi Luan	PT (P/O) N22	30.12.2010
5	Kassim bin Nor	Pekerja Awam R1	31.12.2010

Dialog Dengan *Sarawak Advertisement Association*

Seramai 12 orang ahli daripada *Sarawak Advertisement Association* telah mengadakan lawatan dan dialog ke MPS pada 17 September 2010. Dialog ini diadakan di Bilik Pengerusi MPS dan dipengerusikan YBhg. Encik. Daniel Ngieng, Timbalan Pengerusi MPS. Turut hadir ialah Kr. David Lau, Setiausaha Perbandaran, Encik Hii Chang Kee; Penolong Setiausaha (KA), Encik Yong Ing Chu; dan Pembantu Penguatkuasa, Tuan Haji Mohd. Keprawi bin Haji Johan. Perkara yang dibincangkan termasuklah *security deposit*, lesen, tempat mengantung kain rentang, sewaan *banner poles* dan lain-lain yang berkaitan dengan perihal iklan.

Taklimat Talikhidmat

Taklimat mengenai Talikhidmat telah diadakan pada 16 Disember 2010 di Dewan Rejang, MPS. Taklimat ini disampaikan oleh Cik Dayangku Suriyati binti Haji Awang Sudin dan dibantu oleh Puan Freda binti Joachim Juing. Pada 1 Januari 2011, e-Request akan digantikan dengan Talikhidmat. Taklimat ini adalah untuk mendedahkan kakitangan MPS kepada sistem baru yang akan diperkenalkan pada tahun 2011.

MAJLIS MAKAN MALAM MPS 2011

Majlis Makan Malam MPS 2011 telah diadakan pada 29 Disember 2010 bertempat di Hotel RH, Sibu. Tetamu kehormat pada malam itu ialah YB Dato' Sri Wong Soon Koh, Menteri Kewangan II dan Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Awam Sarawak. Antara tetamu-tetamu yang hadir ialah Encik Sim Kok Kee, Dr. Muhd. Rais Abdullah, KPD Tuan Safiee bin Ismail, Kaunselor-kaunselor MPS, ketua-ketua seksyen/unit dan kakitangan MPS. Majlis tersebut dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi MPS, YB Datuk Tiong Thai King kemudian ucapan daripada tetamu kehormat, YB Dato' Sri Wong Soon Koh. Majlis makan malam ini diserikan lagi dengan acara penyampaian sijil bagi kakitangan MPS yang menerima Anugerah Pingat Cemerlang (APC) bagi tahun 2009 di mana seramai 29 orang yang layak..

Nama Anggota Yang Layak Diberi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) PSM Tahun Penilaian 2009

Seramai 29 orang kakitangan MPS telah diberi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) untuk Tahun Penilaian 2009 kerana komitmen dan prestasi yang sangat memuaskan. Sijil-sijil untuk anugerah tersebut disampaikan kepada penerima semasa jamuan Makan Malam MPS pada 29 Disember 2010. Sijil-sijil tersebut disampaikan oleh YB Dato' Sri Wong Soon Koh, Menteri Kewangan II & Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Awam.

Bil	Nama	Jawatan / Gred
1	Jong Thian Puk	Jurutera J41
2	Ting Nga Siong	Pembantu Tadbir (P/O) N17
3	Kevin anak Marcus Semong	Pekerja Awam R1
4	Ling Poi Sing	Penyelamat N1
5	Abang Ibrahim bin Abang Mansor	Pemandu Kenderaan Bermotor R3
6	Nordin bin Jebee	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29
7	Mohammad Nazib bin Abdul Razak	Penolong Jurutera J29
8	Sadong Kut	Pekerja Awam R1
9	Mohamad Yasin bin Jamain	Pemandu Kenderaan Bermotor R3
10	Zainon binti Rahim	Pembantu Tadbir (P/O) N17
11	Lenggie @ Langit anak Lat	Pekerja Awam R1
12	Mahdi bin Sulhi @ Sluhi	Pekerja Awam R1
13	Jamilah binti. Ismail	Pembantu Tadbir Rendah N11
14	Teo Joo Poh	Pembantu Tadbir (P/0) N17
15	Jahar bin Delamit	Pekerja Awam R1
16	Sabana bin Haji Yassin	Pembantu Perpustakaan S22
17	Kong Bang Hui	Pemandu Kenderaan Bermotor R3
18	Azibah binti Omar	Pembantu Tadhir (Kewangan) W 17
19	Umban anak Tinbang	Pekerja Awam R1
20	Selimah anak Unjan	Pembantu Penguatkuasa N17
21	Wong See Ching	Pemandu Kenderaan Bermotor R3
22	Tan Yu Mui	Pembantu Penilaian W17
23	Hii Kim Ling	Pembantu Perpustakaan S17
24	Noorain binti Ahman	Pembantu Tadbir (P/0) N17
25	Yong Sia Siong	Penolong Pegawai Penilaian W27
26	Mohd Keprawi bin Johan	Penolong Pegawai Penguatkuasa N27
27	Chee Chin Shing	Penyelamat N1
28	Lau Suok Mee	Pembantu Am Rendah N1
29	Johnny anak Palus	Pembantu Am Rendah N1

Majlis Penyampaian Bantuan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar

Majlis Penyampaian Bantuan bagi Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) 2010 telah berlangsung pada 17 Disember 2010 bertempat di Dewan Perpustakaan Awam. Seramai 354 orang telah disenaraikan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar iaitu 48 orang daripada senarai E-Kasih manakala 306 orang merupakan pemohon PPKB daripada tahun 2006-2009 yang layak dan sejumlah RM524,752.00 disalurkan bagi bantuan sewa rumah sahaja bagi tahun 2010. Jumlah keseluruhan bantuan PPKB daripada tahun 2006 hingga 2010 ialah **RM3,743,036.40** yang melibatkan seramai 1488 orang dan Majlis Perbandaran Sibu merupakan pihak berkuasa tempatan yang ketiga tertinggi menerima jumlah bantuan PPKB.

Anugerah Pingat Perkhidmatan Setia

Upacara anugerah Pingat Perkhidmatan Setia telah diadakan di Hotel Kingwood Sibu pada 30 November 2010 dan seramai 33 kakitangan MPS telah dianugerah pingat tersebut. Tahniah diucapkan kepada pegawai MPS yang dianugerahkan pingat tersebut dan kerana jasa yang ditaburkan demi perkhidmatan awam negeri. Senarai penerima pingat adalah seperti berikut-

Bil.	Nama	Bil	Nama
1	Puan Ma Tai	18	Encik Othman @ Seperi bin Merki
2	Puan Chan Yok Long	19	Encik Mahmud bin Bujang
3	Encik Pao Chiong Kiong	20	Encik Ho Hon Chung
4	Puan Teo Joo Poh	21	Encik Ideris bin Berhaman
5	Puan Ma Phing	22	Cik Salamah binti Haji Reduan
6	Puan Victoria Kong Sui Ing	23	Encik Chieng Sing King
7	Puan Dera anak Unjan	24	Encik Frederick Taip anak Ledom
8	Encik Liew Sze Yiung	25	Encik Goh Sing Huat
9	Encik Tan Keng Ban	26	Encik Khoo Chong Kuong
10	Encik Morshidi bin Brahim	27	Encik Lim Teong Yu
11	Puan Masni Lugun	28	Encik Loh Shing Seng
12	Encik Ngu Kok Kim	29	Encik Mustapa bin Mohd Amir
13	Encik Mohd Keprawi bin Haji Johan	30	Puan Wong Pick Mee
14	Puan Wong Liong Khieng	31	Puan Wong Poh Hoong
15	Puan Tiong Pick Sieng	32	Puan Ting Nga Siong
16	Encik Ting Lee King	33	Puan Hii Lik Hung
17	Encik Tay Mak Chiang		

Aktiviti Di Bawah SIBU LA21

Julai , September, Oktober , November 2010

Dua (2) orang sukarelawan dari Jepun dibawah tajaan JICA, Pejabat Malaysia berada di Sibu untuk membantu dalam kerja-kerja pengkomposan sampah organik melalui Kaedah Taka-kura. Mereka ialah Encik Yousuke Mitoma dan Cik Hiroko Yanagida. Semasa di Sibu,mereka telah melawat Pasar Rejang Park dan memerhatikan pelancaran pengasingan sampah organik dan bukan organik di pasar tersebut. Pelancaran dirasmikan oleh Timbalan Pengerusi MPS, YBhg. Encik Daniel Ngieng.

Kempen Anti-Denggi bersama dengan Pejabat Kesihatan Bahagian dan Persatuan Masyarakat Taman Li Hua diadakan pada 31 Julai 2010 bertempat di gelanggang bola keranjang, Jalan Poh Yew Sibu. Lebih kurang 300 orang penduduk tempatan hadir ke kempen tersebut. Kempen ini dirasmikan oleh Timbalan Pengerusi MPS, YBhg. Encik Daniel Ngieng.

MPS sering memberi tujuk ajar kepada orang ramai dan juga persatuan tentang pembuatan kompos melalui Kaedah Takakura. Tidak dilupakan juga, tunjuk ajar ini diberi kepada kaki-tangan MPS sendiri. Oleh itu, pada 30 September 2010, satu sesi tunjukajar dan latihan telah diadakan untuk 36 kakitangan dan 6 orang Ahli Majlis di Bilik Mesyuarat MPS. Selepas sesi latihan, semua peserta diberi sebuah bakul bersama dengan *seed compost*.

Aktiviti Di Bawah SIBU LA21

Untuk kempen "Say No To Plastic Bag", mesyuarat LA21 yang diadakan pada 24 September 2010 telah bersetuju melantik Penghulu Tiong Tung Uh untuk menjadi pengerusi jawatankuasa kecil tersebut. Dengan lantikan Penghulu Tiong Tung Uh, aktiviti-aktiviti berkaitan yang akan dijalankan akan menjadi lebih fokus dan teratur.

Pada 20.11.2010, agihan bakul "Takakura" dan *seed compost* kepada 40 peserta di kawasan Persatuan Masyarakat Taman Li Hua telah dibuat. Ini adalah untuk menggalakkan penduduk menceburkan diri dalam aktiviti pengkomposan.

Pilot Japanese home method composting project launched

Ceramah Pengkomposan Melalui Kaedah Takakura dan permainan pengasingan sampah telah diadakan di SJK Tung Hua Sibu dan dikendalikan oleh Encik Koji Takakura dan sukarelawan dari Jepun. Lebih daripada 60 murid dan kakitangan sekolah hadir ke ceramah tersebut

Hari Kitar Semula di Taman Seduan diadakan pada 17.11.2010 anjuran Rukun Tetangga Taman Seduan bersama dengan MPS. Lebih dari 60 peserta menghadiri program ini. Bahan kitar semula yang dikumpul dan dijual adalah untuk tujuan amal.

Sempena dengan dengan ceramah pengkomposan, perasmian Pusat Pengumpulan Bahan Kitar Semula telah diadakan pada pagi yang sama. Perasmian pusat itu dan ceramah dibuat oleh Pengerusi MPS, YB Datuk Tiong Thai King.

SMC to keep e-waste in check

TAMAN LI HUA RECYCLING CENTRE

Ceramah dan tunjuk ajar mengenai pengkomposan melalui Kaedah Takakura telah diadakan di kawasan Persatuan Masyarakat Taman Li Hua, Jalan Poh Yew Sibu. Lokasi ceramah tersebut bertempat di gelanggang bola keranjang dan dihadiri oleh lebih kurang 50 orang pendududuk tempatan. Bakul dan seed compost telah diberi kepada peserta selepas sesi latihan. Acara ini dirasmikan oleh Timbalan Pengerusi MPS, YBhg Encik Daniel Ngieng.

MPS dengan kerjasama Persatuan Pemilik Kedai Kopi dan Restoran Sibu dan Sarawak Art of Living telah menjayakan satu ceramah mengenai Garbage Enzyme di dewan Perpustakaan MPS, Jalan Bako, Sibu. Dr. Joean Oon dari Pulau Pinang telah dijemput untuk member ceramah tersebut. Sasaran ceramah ini ialah ahli-ahli persatuan tersebut untuk menyedarkan mereka tentang pentingnya menjaga alam sekitar.

Aktiviti Di Bawah SIBU LA21

Pemeriksaan dan survei berkaitan dengan Kempen "Say No To PlasticBag" telah dijalankan pada 25.10.2010 dan 1.11.2010 ke pasaraya dan kedai-kedai untuk mendapat maklumbalas mengenai penggunaan beg plastik. Seramai tiga (3) orang Ahli Majlis menyertai pemeriksaan ini.

Ceramah Pengkomposan melalui Kaedah Takakura telah adakan di gelanggang bola keranjang Jalan Poh Yew di bawah kelolaan Persatuan Masyarakat Taman Li Hua. Ini sempena lawatan Encik Koji Takakura dan rombangan ke Sibu.Lebih daripada 40 orang penduduk menghadiri ceramah serta demonstrasi pembuatan baja kompos. Penduduk juga membawa kompos yang mereka buat untuk ditunjuk kepada Encik Koji Takakura dan seterusnya untuk komen beliau.

'Take the lead in environmental conservation'

Seminar Pengkomposan Melalui Kaedah Takakura telah diadakan di Hotel RH pada 16.11.2010. Seminar ini dikendalikan oleh Encik Koji Takakura, pengasas Kompos Kaedah Takakura. Beliau turut dibantu oleh Cik Hiroko Yanagida dan Toshitaka Hori dan Jepun bersama dengan beberapa sukarelawan dari Jepun. Lebih daripada 50 peserta yang terpilih sahaja menghadiri seminar ini yang terdiri daripada MPS, persatuan masyarakat, sekolah, NGO dan agensi kerajaan. Seminar ini dirasmikan oleh Pengerusi MPS, YB Datuk Tiong Thai King dan majlis penutupan oleh Timbalan Pengerusi MPS, YBhg Encik Daniel Ngieng.

Takakura Home Method Composting gaining popularity

Pegawai MPS telah dijemput oleh Sarawak Development Institute Kuching untuk menyampaikan ceramah dan demonstrasi mengenai pengkomposan Kaedah Takakura di Auditorium MBKS Kuching. Setiausaha Perbandaran Sibu, Encik Hii Chang Kee dibantu oleh Encik Chua Hock Siong telah menyampaikan ceramah dan demonstrasi tersebut.

Takakura method saves money and environment

Amalan 5S MPS

Pameran di Konvensyen 5S Wilayah Sarawak 2010

Majlis Perbandaran Sibu telah dijemput buat kali kedua oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Cawangan Sarawak untuk menyertai Pameran 5S sempena Konvensyen 5S Wilayah Sarawak 2010 di Hotel Hilton, Kuching pada 15 November 2010. Ini merupakan satu penghormatan yang diberikan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) kepada Majlis Perbadanan Sibu di mana pihak Majlis dapat berkongsi ilmu serta pengalaman tentang pelaksanaan Amalan 5S kepada organisasi serta individu yang berminat. Pameran ini juga disertai sebelas (11) buah agensi/jabatan lain iaitu Jabatan Akauntan Negara, Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA), Baitulmal Sarawak, Universiti Teknologi Mara Sarawak, Pejabat Setiausaha Persekutuan Negeri Sarawak, SEDIDIK, Yayasan Sarawak, Jabatan Penjara Malaysia, CMS Cement, SME Corporation dan Jabatan Perbendaharaan Sarawak. Selain itu juga, lima (5) orang pegawai telah menyertai konvensyen ini diketuai oleh Encik Morshidi Fredrick (Penyelaras 5S), Puan Muzaimah binti Haji Sumar (Penolong Penyelaras), Puan Cynthia anak Leton (AJK Audit), Encik Abdul Rahman bin Haji Taupek (Fasilitator Scarlet Red) dan Encik Layang anak Aseng (Ketua Zon Scarlet Red).

Aktiviti Jawatankuasa 5S

Jawatankuasa Latihan 5S telah mengadakan tiga (3) jenis kursus iaitu Kursus OSHA (CIDB), Kursus KIK (ICC) dan Kursus Petunjuk Prestasi (KPI). Pada 1 dan 2 Julai 2010 (Dewan Rajang), jawatankuasa latihan telah mengadakan Kursus OSHA kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di mana seramai 70 kakitangan telah terpilih. Peserta kursus akan diberikan kad hijau iaitu kad kuasa untuk memasuki sesebuah tapak pembinaan. Manakala, Kursus Inovatif dan Kreatif (ICC) pada 3 – 4 Ogos 2010 (Dewan Rajang) dan 28 – 29 September 2010 (Dewan Perpustakaan Awam). Kursus ini memberi panduan serta langkah-langkah pelaksanaan projek bagi kumpulan Inovatif dan Kreatif. Kursus Petunjuk Prestasi (KPI) telah diadakan pada 5 dan 6 Oktober 2010 bertempat di Dewan Rajang dimana ianya dihadiri oleh pegawai-pegawai N22 hingga N52. Kursus ini memberi tumpuan tentang langkah-langkah serta panduan pelaksanaan sesuatu petunjuk prestasi di sesebuah jabatan.

Lawatan Kerja Sambil Belajar Amalan 5S

2010 telah menyaksikan sebanyak sembilan (9) buah agensi/jabatan yang berminat untuk lawatan kerja sambil belajar bagi amalan 5S. Dari bulan Julai hingga Disember 2010, enam (6) buah agensi/jabatan iaitu Pejabat Pelajaran Daerah Sibu (9 Julai 2010), Jabatan Kerja Raya Bahagian Sibu (16 Julai 2010), Pusat Latihan Giatmara Sibu (1 Oktober 2010), Majlis Daerah Sri Aman (14 Oktober 2010), Majlis Daerah Subis (2 Disember 2010) dan Majlis Daerah Sarikei (16 Disember 2010). Ini merupakan satu penghormatan bagi Majlis Perbandaran Sibu dimana menjadi tanda aras serta model pengamal 5S secara tidak langsung menaikkan imej serta meningkatkan kualiti pihak majlis. Lawatan sambil belajar ini juga menjadi medan percambahan ilmu serta berkongsi pengalaman tentang langkah-langkah pelaksanaan amalan 5S yang lebih praktikal.

Disediakan oleh :

JAWATANKUASA KECIL PROMOSI AMALAN 5S

Majlis Perbandaran Sibu
Tingkat 19-24, Wisma Sanyan, Tel : 6084-333411
No.1 Jalan Sanyan, Faks : 6084-320420
Peti Surat 557,96007, Sibu,Sarawak
Laman Web : http://www.smc.gov.my/5s.html